

Projek jejambatan MRT V7 mula Ogos

● YONG CHEE CHOONG | BERITA HARIAN

MTD Construction bina pakej laluan Sungai Buloh-Kajang

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bharian.com.my

MTD Construction Sdn Bhd, akan memulakan pembinaan pakej kerja jejambatan V7 MRT untuk laluan MRT Sungai Buloh - Kajang (SBK) yang bernilai RM499.98 juta pada 7 Ogos nanti.

Pengarah Perhubungan Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Amir Mahmood Razak, berkata, kerja pembinaan jejambatan 3.83 kilometer itu turut membabitkan dua stesen MRT, iaitu stesen berhampiran Balakong dan stesen berhampiran Taman Koperasi.

Katanya, pembinaan itu adalah dari Plaza Tol Batu 11, Lebuhraya Grand Saga berhampiran Bandar Tun Hussein Onn, sehingga Lebuhraya SILK di Persimpangan Sungai Balak.

"Pembangunan projek MRT kini berjalan lancar dengan pakej kerja bernilai RM13.8 bilion sudah diagihkan. Selepas pelaksanaan pakej V1, V4, V5 & V6, kami mengumumkan kerja V7 akan bermula tidak lama lagi.

"Saya yakin MTD Construction akan menggunakan segala sumbernya untuk menyiapkan pakej V7 mengikut kos dan masa yang ditetapkan," katanya dalam kenyataannya di Kuala Lumpur, semalam.

Pakej kerja jejambatan V7 itu adalah sebahagian daripada pakej eksklusif untuk Bumiputera yang menjadi sebahagian daripada 43 peratus berbanding keseluruhan projek MRT terbabit.

MRT Corp turut menyasar baki pakej, V2 (Kota Damansara - Dataran Sunway), V3 (Dataran Sunway - Section 16) dan V8 (Taman Mesra - Kajang), akan dianugerahkan pada suku kedua dan ketiga tahun ini.

Pengarah Eksekutif MTD Construction, Md Shukor Mohamed, berkata pihaknya yakin akan dapat menyiapkan projek itu menjelang suku kedua 2016.

Katanya, kini projek V7 itu adalah projek tempatan terbesar yang diperolehi selepas syarikat selesai membangunkan Lebuhraya Pantai Timur fasa kedua (ECE2) baru-baru ini.



PENGURUS Besar MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd, Adil Putra Ahmad (kiri), Pengarah Eksekutif MTD Construction Sdn Bhd, Shukor Mohamed (tengah) dan Naib Presiden, Pembinaan, Alloy Mtd Group, Ahmad Tarmizi Ismail ketika sidang media di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, semalam.

"Kami bangga menjadi sebahagian daripada projek prasarana terbesar di negara ini dan dengan rekod prestasi kami yang cemerlang dalam pembinaan lebuhraya dan jambatan, kami yakin projek ini

akan dapat disiapkan pada kos dan masa yang ditetapkan.

"Kami juga bertanggungjawab memaklumkan kepada orang ramai tentang projek ini dan memastikan bahawa kehidupan harian mereka

tidak terganggu, maka kami menyediakan Pasukan Pengurusan Trafik, Pasukan Respons Kecemasan 24 jam dan talian hotline 24 jam untuk menangani segala kebimbangan orang awam," katanya.